

# UMS selidik populasi penyu di Taman Pulau Sipadan

Oleh SAIDIN BASHIR

saidin\_88@yahoo.com

**SEMPORNA:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melepaskan empat ekor penyu sisik bagi menentukan populasi penyu di Taman Pulau Sipadan pada Sabtu lalu.

Kajian itu dijalankan oleh sekumpulan penyelidik dari Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), UMS yang diketuai oleh Dr Pushpa Palaniappan.

Pengarah IPMB, Prof Dr Rizwan Abdul Rahman

“Kajian itu bertujuan untuk pemuliharaan penyu selain mencadangkan strategi mengawal had kemasukan pelancong untuk menyelam di Taman Pulau Sipadan.”

**PROF DR RIZWAN ABDUL RAHMAN**  
Pengarah IPMB

berkata kajian itu bertujuan untuk pemuliharaan penyu selain mencadangkan strategi mengawal had kemasukan pelancong untuk menyelam

di Taman Pulau Sipadan. Dr Rizwan berkata, sampel darah telah diambil dari empat ekor penyu sisik untuk kajian secara genetik selain


ditanda, diukur dan diperiksa jika terdapat kecederaan sebelum dilepaskan.

“Penandaan penyu berkenaan di kawasan pemakanan bukan sahaja untuk pengecaman tetapi juga untuk pemerhatian jangka masa panjang, selain memelihara hidupan marin yang terdapat di pulau itu,” katanya kepada *Utusan Borneo* ketika melepaskan penyu sisik sempena Program Hawksbill Returning To Paradise di Pulau Sipadan baru-baru ini.

Menurutnya, kajian itu

penting dalam menentukan populasi penyu di setiap kawasan pemakanan bagi membantu usaha pemuliharaan spesies terancam itu selain dapat mengenalpasti kawasan pemakanan penyu yang terancam oleh kegiatan komersil kapal nelayan dan aktiviti pelancongan.

“Empat ekor penyu itu merupakan hasil tawanan penyu daripada IPMB yang berumur kira-kira empat tahun sejak menetas pada bulan Ogos 2007 di Pulau Langkayan,” katanya.



**KEMBALI KE TEMPAT ASAL...**Taman Pulau Sipadan akan memberi impak positif kepada populasi hidupan marin seperti penyu sisik ini.